

PM, Najib dapatkan input Mahathir mengenai RMK-9

UM - 24/2/2006

PUTRAJAYA 23 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan pertemuan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi mendapatkan input bekas Perdana Menteri itu mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Pada pertemuan selama dua jam bermula 8.30 pagi itu, Dr. Mahathir diberi taklimat tentang agenda dan strategi kerajaan dalam RMK-9 termasuk pandangan orang UMNO dan pelbagai pihak mengenainya.

Turut hadir pada pertemuan di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, yang disifatkan oleh Dr. Mahathir sebagai 'bersejarah' itu ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Di Seremban, Abdullah ketika diminta mengulas berkata, perbincangan itu amat perlu kerana Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang banyak melaksanakan pembangunan untuk negara dan rakyat.

"Tidak ada perkara khusus dibincangkan, saya mendapatkan pandangan beliau mengenai pembangunan negara yang sedang dan akan dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Bayaran Kepada Tuan-Tuan Tanah Felda Sendayan di sini hari ini.

Jelasnya, sebelum ini beliau mendapatkan pandangan daripada usahawan-usahawan dan ahli-ahli akademik mengenai pembangunan negara termasuk mengenai RMK-9.

Ditanya mengenai mesyuarat dengan menteri-menteri Kabinet hari ini, Abdullah menegaskan, pertemuan itu bagi mendengar taklimat mengenai tenaga yang merupakan sektor penting dalam RMK-9.

"Saya mendengar taklimat mengenai harga petrol, sektor tenaga dan perkara-perkara yang berkaitan memandangkan ia merupakan komponen penting dalam RMK-9," jelasnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir yang ditemui selepas perbincangan tersebut menyatakan rasa gembira dengan inisiatif Abdullah dan Najib mendapatkan pandangan beliau mengenai RMK-9.

"Sebagai seorang bekas ahli politik, saya di antara orang yang berhak untuk memberi pandangan memandangkan (kerajaan) telah pun tanya (pandangan) akademik, sektor swasta dan banyak orang," katanya.

Menurutnya, pada pertemuan itu, beliau mengemukakan pendapat tentang cara-cara menggerakkan semula ekonomi kerana pada pandangannya ekonomi sekarang tidak berjalan dengan pantas.

Katanya, persepsi beliau berhubung keadaan ekonomi semasa itu adalah berdasarkan pandangan yang diperoleh daripada orang ramai termasuk ahli perbankan.

"Jadi ada beberapa perkara perlu dibuat tetapi saya tidak boleh menjelaskan secara terperinci," katanya.

Ditanya apakah reaksi Abdullah dan Najib terhadap pandangan itu, Dr. Mahathir percaya pandangannya akan diberi perhatian oleh pemimpin negara kerana "mereka rekodkan... dua muka penuh."

Dalam pada itu, beliau berkata, turut disentuh dalam pertemuan hari ini ialah mengenai agenda pembangunan Melayu dan jurang antara kaum.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan orang ramai pada majlis Penyerahan Bayaran Kepada Tuan-Tuan Tanah Felda Sendayan, Seremban semalam.

Tidak ada perkara khusus dibincangkan, saya mendapatkan pandangan beliau mengenai pembangunan negara yang sedang dan akan dilaksanakan

ABDULLAH AHMAD BADAWI

"Ada dibangkitkan tentang kenapa kaum-kaum sekarang ini terpisah... tak ada pertemuan antara kaum. Dalam sekolah sekarang ini terpisah langsung. Melayu pergi sekolah kebangsaan dan Cina pergi sekolah (jenis kebangsaan) Cina," katanya.

Ditanya sama ada Perdana Menteri sendiri mempunyai rancangan untuk mewujudkan titik pertemuan antara kaum itu, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak dibincangkan kerana agenda pertemuan hari ini ialah berkisar soal ekonomi.

"Taklimat kebanyakannya soal ekonomi, soal politik tak terlibat. Cuma ini (isu titik pertemuan antara kaum) itu ada disebut cuma tidak dibincang secara terperinci. Itu keadaan yang ada sekarang dan kita tidak bincang

secara khusus, saya rasa kerajaan tahu apa nak buat," katanya.

Mengenai kemungkinan langkah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menemui beliau hari ini disalah tafsir oleh sesetengah pihak, beliau tidak melihatnya sebagai sesuatu yang negatif.

"Dia dah tanya banyak orang yang boleh bagi pandangan. Mungkin saya antara yang boleh bagi input. Sama ada nak terima tak terima itu soal lainlah.

"Orang lain pun kalau bagi pendapat tak semestinya kerajaan nak terima. Saya tahu mereka ada banyak perbincangan dan ini hasilnya yang dikemukakan kepada saya," ujarnya.